

## KATA PENGUAT

Pilih dan lengkapkan ayat dengan kata penguat yang betul.

### Jam Tangan Pintar

Imran menaiki kereta bersama-sama dengan ayahnya. Semasa mahu menghidupkan enjin kereta, tiba-tiba Imran mendengar deringan yang \_\_\_\_\_ (sekali/agak) kuat. Imran melihat ayahnya menyentuh skrin jam yang dipakai. Kemudian, ayahnya berbual-bual dengan ibunya menggunakan jam tangan.



Imran: Apakah jenis jam tangan ini, ayah?

Unik \_\_\_\_\_ (sekali/agak) bentuknya.

Ayah: Oh, ini jam tangan pintar! Jam tangan pintar ini menggunakan sambungan tanpa wayar ke telefon bimbit ayah. Jam tangan pintar ini \_\_\_\_\_ (amat/nian) mudah digunakan tetapi harganya mahal berbanding dengan jam tangan biasa.

Imran: Adakah jam tangan pintar ini \_\_\_\_\_ (nian/terlalu) penting bagi ayah?

Ayah: Ya, Imran. Jam tangan pintar ini penting \_\_\_\_\_ (benar/agak) bagi ayah, terutamanya semasa ayah sedang sibuk bekerja.

Imran: Mengapakah ayah berkata sedemikian?

Ayah: Ayah boleh menjawab panggilan tanpa mengganggu kerja ayah. Jam tangan pintar ini juga \_\_\_\_\_ (sungguh/sekali) banyak fungsinya. Antaranya, merakam video, mengambil gambar dan memberikan isyarat jika telefon bimbit ayah tertinggal.